



**JABATAN PERDANA MENTERI  
PRIME MINISTER'S DEPARTMENT**

Blok B8, Kompleks Jabatan Perdana Menteri  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Putrajaya  
MALAYSIA

Tel. : 03-8000 8000  
Fax : 03-8888 3904  
Web : <http://www.jpm.gov.my>  
Emel : [jpm@jpm.gov.my](mailto:jpm@jpm.gov.my)

---

Rujukan Kami : JPM (S) 100-2/1/1( )

Tarikh : 8 Januari 2014

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

---

**SURAT PEKELILING AM BILANGAN 1 TAHUN 2014**

---

**PINDAAN SURAT PEKELILING AM BILANGAN 3 TAHUN 2012**

**PERATURAN PERJALANAN PEGAWAI AWAM KE LUAR NEGARA ATAS  
URUSAN PERSENDIRIAN**

**1. TUJUAN**

Surat Pekeling Am ini bertujuan untuk memaklumkan pindaan terhadap Surat Pekeling Am Bilangan 3 Tahun 2012 mengenai peraturan perjalanan pegawai awam ke luar negara atas urusan persendirian.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2012 (SPA Bil 3/2012) di para 7 telah menetapkan peraturan seperti berikut:

*“7. Pegawai yang sering berulang alik ke luar negara jiran yang bersempadan dengan Malaysia kerana urusan persendirian juga perlu membuat permohonan melalui borang Permohonan Perjalanan Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian di **Lampiran 1** dan borang Pengisytiharan Perjalanan Pegawai Awam Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian di **Lampiran 2**. Pegawai Pelulus boleh dengan budi bicara memberi kelulusan menyeluruh (blanket approval) untuk tempoh satu (1) tahun mulai tarikh kelulusan diberikan.”*

- 2.2 Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Bilangan 9 Tahun 2013 (LKPPA 9/2013) yang diadakan pada 7 November 2013, memutuskan supaya Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2012 dikaji semula terutamanya bagi pegawai awam yang tinggal di negeri-negeri yang bersempadan dengan Singapura, Thailand dan Brunei yang mana terdapat pegawai awam yang sering berulang-alik ke negara-negara berkenaan atas urusan persendirian. Peraturan ini sewajarnya mengambil kira hubungan baik yang telah terjalin antara Kerajaan Malaysia dengan negara-negara berkenaan.

## 3. PINDAAN

Selaras dengan keputusan LKPPA 9/2013, peruntukan perenggan 7 SPA Bil 3/2012 dipinda seperti berikut:

*“7. Pegawai yang sering berulang alik ke luar negara jiran yang bersempadan dengan Malaysia **kecuali ke Singapura dan Brunei**, kerana urusan persendirian juga perlu membuat permohonan melalui borang Permohonan Perjalanan Pegawai Awam Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian di **Lampiran 1** dan borang Pengisytiharan Perjalanan Pegawai Awam Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian di **Lampiran 2**. Pegawai Pelulus boleh dengan budi bicara memberi kelulusan menyeluruh (blanket approval) untuk tempoh satu (1) tahun mulai tarikh kelulusan diberikan. **Kelonggaran kepada pegawai yang berulang alik ke Singapura dan Brunei, dihadkan kepada enam (6) kali setahun, selebihnya pegawai perlu mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan.**”*

#### **4. TARIKH KUATKUASA**

Surat Pekeliling Am ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Am ini, **para 7 di Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2012 adalah dipinda seperti di para 3 di atas.**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**(TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA)**

Ketua Setiausaha Negara

8 Januari 2014